

## **BAB 1 : PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Penerbitan buku konvensional adalah satu daripada bidang penerbitan yang kecil pada awalnya, namun ia dianggap mampu berkembang dari semasa ke semasa (Barries, 1922). Buku ialah lembaran-lembaran kertas bercetak yang digabungkan menjadi kesatuan bentuk melalui jilidan, mempunyai kulit luar yang biasanya lebih tebal daripada kertas dalam teks, dan diedarkan kepada massa. Dunia baru dalam penerbitan digital telah memberi peluang untuk menyebar dan mendapatkan maklumat dengan lebih meluas dengan adanya kaedah digital (Gervais, 1998).

Perkembangan dalam dunia digital ini juga seolah-olah telah memberi ruang untuk menyediakan maklumat dengan lebih mudah berbanding dengan buku konvensional. Apa yang perlu dilakukan adalah dengan cara memasukkan segala idea yang ada ke dalam internet untuk dikongsi bersama. Revolusi digital sebenarnya telah mengubah kepentingan maklumat dan peranan media yang sedia ada.

Revolusi digital dan teknologi maklumat telah memastikan yang sejarah belum tamat dan garisan sempadan geografi belum muktamad. Inilah realiti maya, iaitu konsep masa telah sampai ke penghujungnya dan konsep ruang telah dilenyapkan dalam dunia realiti. Rentetan daripada itu lahirlah dunia tanpa sempadan yang juga disebut sebagai istilah desa global. Pada era digital

ini, segala urusan manusia turut berubah tak kira dalam pendidikan disamping dalam penyebaran maklumat kepada masyarakat sejagat. Komputer peribadi yang digabungkan dengan pelbagai peralatan canggih multimedia yang mempunyai perhubungan dengan rangkaian kabel maklumat yang lebih pantas, murah dan lebih berkesan. Oleh yang berkenaan, seseorang pengguna internet di rumah mampu berhubung atau mendapatkan maklumat dan berinteraksi ke seluruh dunia.

Ideologi internet dan teknologi komputer telah membantu mencipta ruang kuasa manusia yang digelar ruang siber, iaitu pengguna memasuki ruang tanpa sempadan geografi dan tanpa halangan masa. Di ruang siber ini atau realiti maya ini, pengguna menjadi seorang anarkis kawalan undang-undang dan pihak berkuasa. Ini bermakna internet atau teknologi siber telah memberi kuasa kepada individu untuk bertindak menentang “sistem” dan memberi sepenuhnya potensinya sebagai manusia.

Ideologi dalam ruang siber telah membentuk dua perspektif. Di satu aspek, akan melahirkan golongan masyarakat yang lebih baik dari segi produktiviti yang melihat teknologi digital sebagai era pembangunan ekonomi dan kemakmuran. Manakala dari satu aspek lain pula lahirnya utopianisme teknologi yang melihat teknologi sebagai media sebagai kuasa demokrasi dan bersifat peribadi, mempunyai kebebasan dari segi sosial dan semangat.

Kemudahan-kemudahan prasarana serta undang-undang hakcipta juga seharusnya ditingkatkan agar semua pihak mampu untuk mendapatkan maklumat menerusi *on-line* dengan cepat dan mudah (Garvais, 1998). Undang-undang hakcipta turut diberi perhatian yang serius untuk memastikan para penulis akan dapat merasakan segala hasil karya mereka terlindung dari masalah karya mereka dicetakrompak dan sekaligus menggalakkan lebih ramai penulis akan menyumbangkan segala idea dan maklumat yang penting.

Di Persidangan Info Tech Malaysia '95 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 1-3 nov.95, Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad, telah mengumumkan penubuhan MSC berukuran 15KM x 40 km di antara Kuala Lumpur dengan Lapangan Terbang Antarabangsa, Sepang, akan merangkumi bandar baru Putra Jaya. Ia adalah prasarana yang menghubungi Lebuh Raya Maklumat Negara (NIH) yang seterusnya akan menghubungi prasarana maklumat global.

Ia dilengkapi dengan jaringan telekomunikasi pantas dan luas untuk menangani keperluan maklumat dan perkhidmatan multimedia moden dan terkini sebagai persediaan untuk mencapai aspirasi Wawasan 2020. Lebuhraya Maklumat yang disediakan itu perlukan pengaliran/penyebaran maklumat di dalamnya, dan semestinya perlu untuk diterbit. Rentetan daripada itu, maka penerbitan yang berkonsepkan Multimedia sememangnya amat diperlukan di Malaysia. Penerbitan maklumat yang dimaksudkan adalah dalam format

elektronik dan menggunakan media komputer. Ia terbahagi kepada dua iaitu penerbitan yang menggunakan pelbagai media komputer untuk sebaran/agihan kepada pengguna dan penerbitan yang menggunakan prasarana Internet.

## **1.2 Sejarah Perkembangan Media Tradisional**

Buku ataupun majalah adalah dianggap sebagai media tradisional dalam menyebarkan maklumat kepada manusia pada hari ini. Sebelum hadirnya peralatan canggih dalam bidang komunikasi, seluruh manusia menggunakan bahan-bahan bercetak dalam mendapatkan atau menyebarkan maklumat diantara satu sama lain.

Apabila merujuk kepada sejarah, usaha penerbitan buku dikatakan bermula selepas manusia mencipta tulisan, Bahan-bahan bertulis yang dianggap sebagai buku terawal ialah dalam bentuk kepingan-kepingan tanah liat di Mesopotamia dan gulungan-gulungan papirus di Mesir yang dihasilkan kira-kira pada 3000 SM. Penciptaan buku daripada kepingan buluh oleh orang-orang Cina juga ialah dianggap antara tamadun yang paling awal dalam bidang ini yang dihasilkan kira-kira pada awal 1300 SM, tetapi kebanyakan buku tersebut dibakar oleh Maharaja Shih Huang Ti dalam tahun 213 SM. (Grolier Academic Encyclopedia, 1983)

Penggunaan papirus di Mesir menjadi model seterusnya dalam penghasilan buku oleh orang-orang Greek dan Rom antara kurun-kurun ke-6 SM hingga

kurun ke-5 M. Buku pertama yang berhalaman, berjilid dan berkulit adalah daripada *Vellum*, iaitu sejenis kulit yang diperbuat daripada kulit anak kambing atau anak lembu. Penggunaan *codex* menggantikan “gulungan” merupakan satu revolusi dalam perubahan penciptaan buku pada Zaman Pertengahan

Sebelum wujudnya pen ataupun peralatan tulisan yang lain, orang-orang zaman dahulu menulis menggunakan buluh yang telah ditajamkan pada bahagian hujungnya dan dilekatkan daun. Untuk menulis, bahagian yang meruncing akan disapu dakwat yang berbagai warna. Buku-buku yang terawal dipercayai mengandungi penulisan yang menceritakan tentang upacara-upacara ibadat seperti bacaan-bacaan sembahyang, doa dan jampi mentera.

Perkembangan media cetak melalui peralihan penting apabila kertas di cipta oleh seorang berbangsa Cina bernama Ts'ai Lun dalam zaman pemerintahan Maharaja Ho-Ti di China pada tahun 105 M. Setelah itu arus perkembangan bidang tersebut menjadi lebih signifikan apabila kertas dijadikan satu industri di Baghdad pada tahun 795 M. Setelah hampir 500 tahun selepas itu, industri ini berkembang ke Eropah, iaitu di Itali pada tahun 1276M, kemudian di Perancis pada tahun 1348 M. Di German pada tahun 1309 M, dan di England pada tahun 1494 M. Dengan demikian penghasilan media cetak menjadi lebih maju dan produktif. (Grolier Academic Encyclopedia, 1983)

Penggunaan tulisan berbentuk huruf cetak secara moden bermula pada kurun ke-15M apabila mesin cetak dicipta oleh Johannes Gutenberg di Mainz, German sekitar tahun 1450 (Grolier Academic Encyclopedia, 1983). Johannes berbangsa Jerman menggunakan hasil ciptaan ini untuk mengeluarkan buku-buku yang sangat baik ini di Mainz, German dalam tahun 1400.

Dalam beberapa tempoh masa sebelum Gutenberg menciptakan alat cetak ini, orang-orang China dan Korea dikatakan telah mempunyai tamadun tersendiri dalam dunia percetakan. Pada masa itu mereka membuat kerja-kerja mencetak tulisan dan gambar dengan menggunakan kayu, tembikar dan logam. Akan tetapi disebabkan bahasa agak kompleks, dan memerlukan banyak perubahan tulisan menyebabkan kaedah menggunakan alat cetak tidak begitu praktikal. Idea ini kemudiannya lenyap hingga Guttenberg memperkenalkan mesin cetak yang menggunakan huruf-huruf dan abjad-abjad. (The World Book Encyclopedia, 1985)

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Teknologi maklumat multimedia sudah mantap dan minat penduduk di Malaysia terhadapnya kian bertambah. Pihak kerajaan telah menggalakkan perkembangan ini malah telah memberi beberapa kemudahan untuk digunakan. Jaring sebagai pintu keluar ke internet dibiayai sepenuhnya oleh pihak kerajaan. *Malaysia Super Corridor (MSC)* dan *National Information Highway (NIH)* sudah diumumkan. Untuk mengurangkan beban ke atas

semua pihak yang terdiri daripada pihak pembekal dan pengguna, pihak kerajaan telah menghapuskan cukai ke atas perkakasan komputer dan perisian. Usaha murni diharap dapat menggalakkan masyarakat di Malaysia terus menyahut wawasan negara yang menghala kepada kemajuan Teknologi Maklumat.

Rentetan daripada itu juga, sebagai memenuhi hasrat dan tuntutan impian pihak kerajaan, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dengan kerjasama dengan IGD Hitech Corporation Sdn. Bhd. (IGD) telah mengusahakan satu projek penerbitan yang berkONSEPAN digital. Usaha yang julung-julung kali dilakukan ini dinamakan portal “Karyanet”. Penerbitan menerusi elektronik juga dilakukan oleh beberapa syarikat penerbit luar, walau bagaimanapun penerbitan portal Karyanet mempunyai kelainan dari segi isi kandungan terutama dari segi maklumat yang disampaikan dan kaedah proses yang digunakan untuk berurusan.

Kalau kita lihat dari segi kandungan dalam akhbar-akhbar berita yang disampaikan menerusi elektronik, segala maklumat adalah berbentuk berita dan iklan dan tanpa menggunakan media elektronik kita masih dapat memperolehi segala maklumat melalui media cetak. Penerbitan Karyanet adalah satu laman khas yang diterbitkan oleh DBP yang terdiri daripada pelbagai bahan di dalamnya.

Tanpa adanya media elektronik, maka khalayak tidak akan dapat mendapat apa juga maklumat di dalamnya.

Atas kepentingan-kepentingan tersebut, maka satu kajian perlu dilakukan untuk menjelaskan tentang isi kandungan bahan yang terdapat dalam portal Karyanet. Hasil kajian ini diharapkan dapat disebarluaskan kepada masyarakat untuk menerangkan dengan lebih terperinci berkaitan dengan Penerbitan Karyanet. Usaha ini dilakukan kerana dikhuatiri sebahagian besar masyarakat di Malaysia tidak mengetahui kewujudan portal Karyanet.

Sekiranya tiada sambutan dan sokongan yang padu di kalangan rakyat Malaysia terhadap penerbitan elektronik yang julung-julung kali diadakan ini maka sudah tentu usaha Dewan Bahasa dan Pustaka dengan usahasama IGD yang menelan belanja yang besar hanya sia-sia sahaja.

#### **1.4    Objektif Kajian**

Kajian ini adalah untuk mengkaji tentang Peranan DBP dan IGD dalam menerbitkan portal Karyanet. Usaha dan peranan kedua-dua badan berkenaan dianggap sebagai penentu kepada jatuh atau bangunnya portal Karyanet pada masa akan datang. Penerbitan secara digital di Malaysia sememangnya masih dianggap baru, jadi untuk memastikan segalanya berjalan dengan lancar, peringkat penubuhan dan pengurusan sememangnya perlu dibuat dengan teliti

dan terancang. kekuatan kedua-dua badan berkenaan samada dari segi penerbitan dan teknikal amatlah dituntut.

Secara khususnya, objektif kajian adalah seperti berikut.

- a. Meneliti kegiatan serta usaha yang dilaksanakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan IGD Hitech Corporation Sdn Bhd. dalam menghasilkan satu penerbitan yang berkonseptan *on-line*.
- b. Meneliti ciri-ciri dan program-program yang terdapat dalam portal Karyanet.
- c. Meneliti kekuatan-kekuatan penerbitan elektronik.
- d. Mengkaji cabaran-cabaran yang dihadapi dalam penerbitan secara *on-line*.

### **1.5 Skop Kajian**

Meskipun perkara-perkara yang bersangkut paut dengan dunia penerbitan adalah terlalu luas tetapi kajian ini hanya menumpukan kepada perkara-perkara berikut dengan merujuk kepada penubuhan dan masa depan portal Karyanet sahaja iaitu:

- a. Perkembangan awal penubuhan portal Karyanet.
- b. Isi kandungan portal Karyanet.
- c. Strategi pemasaran.
- d. Cabaran-cabaran yang dihadapi.

Kajian ini tidak mengkhususkan kepada penerbitan yang dilakukan oleh DBP semata-mata malah ia adalah satu usahasama dengan IGD dalam menghasilkan portal Karyanet.

## **1.6 Metodologi Kajian**

Konsep penyelidikan untuk projek ini adalah menggunakan kaedah Kualitatif. Pengkaji akan membuat beberapa kaedah untuk mendapatkan maklumat, data dan keterangan dengan cara yang lebih terperinci. Kaedah-kaedah penyelidikan kualitatif yang telah dilaksanakan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat adalah:

### **1.6.1 Kajian Perpustakaan**

Penulis telah membuat tinjauan bacaan di perpustakaan untuk mendapat seberapa banyak maklumat mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan penerbitan digital yang terdapat di Malaysia mahupun di luar negara. Kesemua maklumat ini boleh diperoleh dari buku-buku, lebaran, risalah, majalah, buletin, kertas kerja dan brosur sama ada dikeluarkan oleh institusi tempatan atau luar negeri.

### **1.6.2 Lawatan**

Penulis juga turut melawat ke Dewan Bahasa dan Pustaka iaitu di Unit Multimedia, dan di IGD Hitech Corporation Sdn Bhd. Lawatan ini

dianggap akan mampu memberi banyak maklumat dan idea yang membantu penulis dalam kajian ini.

### **1.6.3 Pemerhatian**

Penulis akan menggunakan kaedah pemerhatian sebagai cara untuk mendapat maklumat mengenai perjalanan dan aktiviti portal Karyanet. Kaedah ini dianggap mampu memberikan maklumat yang mungkin tidak dapat kita peroleh melalui pembacaan. Pengkaji akan membuat pemerhatian di kedua-dua tempat operasi bagi mendapatkan maklumat-maklumat yang terkini. Kaedah pemerhatian juga perlu untuk menjalinkan hubungan yang lebih erat sekaligus melancarkan proses kajian. Untuk Kaedah pemerhatian, pengkaji akan menetapkan tempoh dua minggu untuk tujuan penyelidikan ini.

Untuk minggu yang pertama, pengkaji akan membuat pemerhatian di Unit Multimedia, DBP. Pengkaji akan membuat catatan apa saja yang berlaku dalam tempoh pemerhatian tersebut. Pada minggu yang berikutnya pula pengkaji akan pergi pula ke IGD Hitech Corporation Sdn. Bhd untuk melakukan perkara yang sama. Pemerhatian yang dijalankan adalah untuk memfokuskan sambutan dari golongan karyawan yang datang berkunjung untuk berurusan tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan penerbitan buku. Untuk peringkat permulaan, penerbitan *on-line* sememangnya sesuatu yang baru dan

terlalu sukar untuk golongan karyawan menerima bentuk penerbitan yang sepenuhnya menggunakan komputer. Kaedah pemerhatian yang di jalankan oleh pengkaji dalam aspek ini adalah untuk melihat sejauh manakah inisiatif golongan-golongan karyawan datang ke Unit Multimedia, DBP dan IGD untuk memahami sekaligus menggunakan portal Karyanet sepenuhnya.

#### **1.6.4 Temubual**

Penulis akan menggunakan kaedah temubual dalam kajian ini. Tujuan kaedah ini digunakan ialah untuk mendapatkan pandangan individu atau kumpulan individu mengenai sesuatu perkara yang dikaji. Bagi memenuhi tujuan tersebut, penyelidik akan menjalankan temubual dengan ketua Unit Multimedia, DBP iaitu En. Jamaluddin B. Mohd Sulong dan pengurus IGD, En Sharil Ibrahim serta para pegawai dari kedua-dua jabatan berkenaan yang terlibat dalam menangani projek Karyanet. Bilangan para pegawai dari kedua-dua jabatan berkenaan adalah seramai 10 orang dari setiap jabatan.

Perkara yang difokuskan ketika sesi temubual tersebut adalah merujuk kepada aspek penubuhan portal Karyanet, perancang masa depan, kekuatan-kekuatan portal berkenaan serta cabaran-cabaran yang dihadapi. Untuk kaedah temubual, pengkaji telah membuat satu jadual

khas dan setiap pegawai yang hendak ditemubual adalah pada hari yang berlaian.

Pengkaji menggunakan kaedah temubual separa berstruktur. Berdasarkan beberapa soalan yang telah ditetapkan pengkaji menambah soalan-soalan secara lisan sekiranya perlu. Jawapan responden itu direkodkan pada borang khas dan kemudiannya dikategorikan serta ditafsirkan mengikut kategori kelompok responden berkenaan

### **1.6.5 Analisis Kandungan**

Analisis Kandungan ialah satu teknik penyelidikan yang memberikan tumpuan kepada utusan/ mesej dalam apa jua bentuk media (Syed Arabi Idid, 1922: 105-119). Analisis kandungan adalah satu teknik penyelidikan komunikasi lahiriah, iaitu butir/ perkara/ item dalam kandungan teks/ media akan dicatat mengikut apa yang nyata dan bukan berdasarkan kepada perasaan atau emosi pengkaji, dan dibuat secara Objektif, sistematik dan kuantitatif ( Brelson, 1952) untuk kajian ini pengkaji akan menggunakan kaedah analisis kandungan untuk mendapatkan gambaran secara keseluruhan portal Karyanet bermula dan matlamat penerbitan dan proses-proses dalam penerbitannya. Sebelum membuat kajian yang lebih mendalam berkenaan dengan portal Karyanet, pengkaji telah menggunakan teknik

analisis kandungan sebagai kajian awal. Apabila mendapati portal ini adalah sesuatu yang baru dan menarik, maka barulah pengkaji membuat keputusan untuk meneruskan kajian ini.

Disamping itu juga melalui kaedah analisis kandungan juga pengkaji dapat membuat perbandingan di antara portal Karyanet dengan portal-portal yang diterbitkan oleh penerbit tempatan dan penerbit luar negara. Melalui analisis yang diperoleh, pengkaji cuba melihat dari segi kelebihan yang ditunjukkan oleh setiap portal yang dikaji. Rentetan daripada itu juga pengkaji dapat membuat perbandingan dengan lebih jelas diantara penerbitan bercetak dan penerbitan secara *on-line*. Dalam aspek ini, pengkaji akan membuat analisis secara terperinci berkaitan dengan kelebihan-kelebihan serta kelemahan-kelembahan penerbitan secara bercetak dan secara *on-line*.

## **1.7 Had-Had Kajian**

### **1.7.1 Masa Yang Terhad.**

Masalah masa yang singkat untuk menyediakan laporan penyelidikan ini merupakan masalah yang utama. Masa yang kurang daripada enam bulan menyebabkan penyelidikan ini terpaksa dilaksanakan secara tergesa-gesa. Ia ditambah lagi dengan masalah kesukaran meghubungi pegawai-pegawai yang terlibat dalam kajian ini. Keadaan ini disebabkan para pegawai yang bertugas di DBP sering menghadiri

bengkel-bengkel berkaitan dengan penerbitan portal berkenaan di luar kawasan Kuala Lumpur. Justeru temujanji-temujanji sering ditunda mengikut jadual yang terluang di kalangan para pegawai.

#### **1.7.2 Skop Kajian Yang Khusus.**

Tidak dinafikan bahawa skop kajian ini amat khusus. Kajian ini hanya memfokuskan kepada penubuhan dan menganalisis kandungan yang terdapat dalam portal Karyanet sahaja.

#### **1.7.3 Hanya Memfokuskan Kepada Satu Penerbitan Sahaja.**

Kajian yang dijalankan memfokuskan kepada penerbitan portal Karyanet tanpa adanya usaha untuk membuat perbandingan dengan penerbit-penerbit yang menggunakan kaedah penerbitan yang sama ada di dalam negara maupun di luar negara.

### **1.8 Kepentingan Kajian**

Kajian ini adalah penting untuk melihat persediaan dan keupayaan DBP dan IGD dalam pembinaan portal Karyanet yang memerlukan satu perbelanjaan yang cukup besar. Kajian ini juga sangat penting dari segi mengetahui isi kandungan yang disampaikan kepada khalayak sasaran.

Kajian ini juga seolah-olah telah membuka lembaran serta dimensi baru dalam dunia penerbitan di Malaysia. Kajian ini juga membantu memberi maklumat kepada khalayak sasaran akan kehadiran portal Karyanet yang kini tidak lagi hanya bergantung kepada satu penerbitan sahaja iaitu penerbitan konvensional. Melalui portal Karyanet, perkhidmatan yang disediakan adalah lebih cepat dan memerlukan kos yang sangat rendah.

Penyebaran maklumat berkaitan dengan portal ini dianggap amat penting dalam menarik lebih ramai para ilmuan, cendikiawan dan semua pakar-pakar dalam pelbagai bidang untuk melibatkan diri secara aktif dalam menyumbangkan idea-idea bermutu serta bahan yang dianggap penting untuk disalurkan kepada masyarakat berdasarkan peringkat umur dan bidang masing-masing.

Selanjutnya, kajian terhadap portal Karyanet turut memberi peluang kepada pengkaji untuk membincangkan tentang kekuatan-kekuatan, kelemahan-kelemahan dan masa depan portal berkenaan. Ini bukan bermakna pengkaji cuba menimbulkan kelemahan-kelemahan ataupun memfokuskan kelebihan-kelebihan portal Karyanet semata-mata, sebaliknya adalah membuat perbincangan dan penelitian tentang portal berkenaan demi kebaikan portal berkenaan pada masa akan datang. Kelemahan-kelemahan yang difokuskan pada portal berkenaan mungkin boleh diperbaiki atau ditingkatkan lagi mutunya pada masa akan datang.

Oleh yang demikian kajian terhadap penerbitan portal Karyanet adalah dianggap penting untuk memastikan seluruh warga Malaysia pada suatu masa nanti mampu menikmati sebuah portal yang mempunyai kandungan yang berkualiti.

### **1.9 Susunan Bab**

Kajian ini dibahagikan kepada enam bab. Dalam bab yang pertama, pengkaji membincangkan tentang pengenalan disamping memperkenalkan metodologi kajian. Dalam bab yang kedua pula pengkaji akan memfokuskan kepada kajian-kajian lepas dan menekankan kepada konsep-konsep dalam komunikasi Siber serta kepentingan penerbitan secara elektronik. Selanjutnya dalam bab yang ketiga pula pengkaji membincangkan tentang latarbelakang Dewan Bahasa dan Pustaka dan IGD Hitech Corporation Sdn. Bhd. Dalam bab yang keempat pengkaji turut memperkenalkan portal Karyanet secara detail dan membuat analisis kepada isi kandungan portal berkenaan.

Dalam bab yang kelima, perbincangan adalah tertumpu kepada hasil dan analisis kajian. Di samping itu, pengkaji turut membentangkan cabaran-cabaran, kekuatan-kekuatan serta strategi-strategi yang dilaksanakan dalam usaha mempromosikan portal Karyanet. Manakala dalam bab yang keenam adalah merupakan bab rumusan dan kesimpulan kepada kajian yang telah dibuat.